

Sambutan besar untuk Dr M di Kedah hari ini

ALOR STAR, Jumaat — Segala persiapan telah selesai diatur untuk menyambut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rombongannya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Kepala Batas, dekat sini.

Beribu-ribu rakyat dari setiap lapisan masyarakat negeri ini akan berada di lapangan terbang itu untuk menyambut pemimpin negara itu serta menyatakan sokongan mereka kepada kerajaan pimpinan beliau.

Pemimpin parti dan masyarakat serta pertubuhan belia akan turut menyambut ketibaan Perdana Menteri dan isterinya, Datuk Paduka Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Shahabuddin Ahmad, akan mengetuai majlis sambutan yang diatur oleh ahli-ahli dan penyokong Barisan Nasional serta anggota-anggota masyarakat pelbagai kaum dari seluruh negeri Kedah.

Berita Harian difahamkan lewat malam ini beratus bas sewa khas telah ditempah untuk membawa orang ramai ke lapangan terbang dari seluruh negeri Kedah untuk mengalu-alukan ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir.

Perhimpunan yang dijadualkan esok ini dijangka yang terbesar pernah diberikan kepada Perdana Menteri di negeri ini.

Amanat

Orang ramai yang dijangka berhimpun dari jam 6 pagi itu akan membawa sepanduk khas bagi menyatakan sokongan bulat dan berdiri teguh bersama Datuk Seri Dr Mahathir.

Di lapangan terbang, Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongannya dijangka akan menyampaikan ucapannya kepada orang ramai.

Selepas majlis di lapangan terbang, Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongan akan bertolak ke Bangunan Tunku untuk merasmikan kursus Kepemimpinan Melalui Teladan anjuran Pemuda Umno Kedah.

Perdana Menteri dijangka memberi amanat penting kepada Pemuda-Pemuda Umno dari semua 13 bahagian di negeri itu.

Beliau akan melawat Pendang di sebelah petangnya dan merasmikan bangunan baru ibu pejabat Umno bahagian Ulu Muda, kira-kira 28 km dari sini.